



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 56
No. 22

25hb Oktober 2012

TAMBAHAN No. 12 (9)
PERUNDANGAN

J. P.U. 65.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL VANDALISME (MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73(1), 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Pihak Berkuasa Negeri membuat undang-undang kecil yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan berkuat kuasa

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Daerah Kota Tinggi) 2012 dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Kota Tinggi.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“binatang” termasuk burung, serangga dan hidupan air;

“harta Majlis” ertiannya apa-apa harta alih atau tidak alih yang dipunyai, dibina, diurus, disewa atau diselenggara oleh Majlis yang terletak atau ada di dalam, di bawah atau di atas mana-mana tempat awam atau tempat persendirian

di dalam kawasan Majlis dan apa-apa harta mana-mana pihak atau orang yang berkôtrak dengan Majlis yang digunakan bagi maksud memenuhi atau melaksanakan kontrak itu dan termasuk kerja yang dijalankan oleh Majlis dan mana-mana binatang, pokok, tumbuhan-tumbuhan, rumput, sungai, tasik dan anak sungai yang di bawah penjagaan atau kawalan Majlis;

“kerja” ertinya mana-mana kerja yang dijalankan oleh Majlis di bawah mana-mana undang-undang berfûlis yang ada di dalam, di bawah atau di atas mana-mana tempat awam atau tempat persendirian di dalam kawasan Majlis;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Kota Tinggi;

“tempat Majlis” mempunyai pengertian yang sama seperti dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976;

“tempat persendirian” ertinya mana-mana tempat selain daripada tempat awam;

“Vandalisme” ertinya perbuatan membina-sakan atau merosakkan harta benda awam, termasuk kesalahan-kesalahan yang disenaraikan dalam Undang-undang Kecil 3, Undang-undang Kecil ini;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Daerah Kota Tinggi dengan sah di sisi undang-undang dan termasuk Setiausaha.

Kesalahan-kesalahan

3. Tiada seorang pun boleh, melainkan jika kebenaran atau baginya diberikan secara bertulis oleh Yang Dipertua—

- (a) menulis, melukis, mengécat, menyembur, menanda, mencakar, mencalar atau mengukir apa-apa perkataan, slogan, karikatur, simbol atau apa-apa pun pada mana-mana harta Majlis;
- (b) melekatkan, menampalkan, menunjukkan atau apa-apa poster, pelekat, iklan, surat, tempelan, peringatan, kertas atau apa-apa dokumen pada mana-mana harta Majlis;
- (c) menggantung, menyangkut, menaikkan, melekatkan, mempamerkan atau menunjukkan apa-apa bendera, panji-panji hiasan, panji-panji bendera, bendera lâmbang atau yang menyerupai perkataan slogan, karikatur, lukisan, tanda simbol atau apa-apa barang pada mana-mana harta Majlis;
- (d) memaku, mengikat, menyimpul atau merantai apa-apa benda pada mana-mana harta Majlis;

- (e) mencuri, mengalih, mengganggu, mengusik, memindah, mencacatkan, memusnahkan atau merosakkan apa-apa harta majlis;
- (f) membuat ubahan kepada apa-apa harta Majlis;
- (g) mengalih, memindah, mengusik, mencacatkan, merosakkan atau memusnahkan apa-apa jua yang dipertunjukkan, digantung, didirikan, diletakan, dinaikkan atau disangkutkan oleh Majlis;
- (h) meludah, kecincing atau membuang air besar di dalam atau pada mana-mana harta Majlis kecuali di tempat yang disediakan bagi maksud itu;
- (i) mengotorkan atau mencemarkan air di mana-mana pancutan air, kolam renang, sungai, tasik atau anak sungai yang di bawah penjagaan dan kawalan Majlis;
- (j) memotong, menggali, mengalih, memetik, membantun, merosakkan atau memusnahkan mana-mana pokok, tumbuh-tumbuhan, bunga, daun atau dahan mana-mana pokok atau tumbuh-tumbuhan, atau rumput yang di bawah penjagaan dan kawalan Majlis;
- (k) mengorek, menambak, melonggokkan atau mengalih tanah dari mana-mana harta Majlis;
- (l) memerangkap, menangkap, membunuh, memberi makan atau mengganggu apa-apa binatang yang di bawah penjagaan dan kawalan Majlis;
- (m) menunggang, memandu, menolak atau menarik apa-apa kenderaan sama ada yang digerakkan secara berswast atau dengan cara lain atau meluncur dengan skate pada mana-mana harta Majlis yang bukan untuk maksud itu; atau
- (n) membuat apa-apa yang boleh menyebabkan kerosakan harta Majlis.

Penalti

4. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi Dua Ribu Ringgit atau penjara selama satu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kuasa mengalih dsb.

5. (1) Yang Dipertua atau mana-mana Pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh—

- (a) mengalih apa-apa benda yang didapati tergantung, dinaikkan, ditampal, diikat, disimpul, dirantai, dipukuan, diletakkan, disangkut, dipertunjukkan atau dipamerkan pada mana-mana harta Majlis yang berlanggaran dengan Undang-undang Kecil ini; atau

(b) memadamkan apa-apa tulisan, gambar, lukisan, tanda, cakaran, calar atau ukiran yang dibuat oleh mana-mana orang pada mana-mana harta Majlis yang berlanggaran dengan Undang-undang Kecil ini.

(2) Apa-apa tindakan yang diambil oleh Yang Dipertua atau oleh mana-mana Pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis di bawah perenggan 5(1) tidak boleh ditafsirkan sebagai menghalang mana-mana orang daripada dikenakan pendakwaan bagi apa-apa kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini.

Kuasa Mengkompaun

6. (1) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh mengikut budi bicaranya mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini dengan sejumlah wang tidak lebih daripada Lima Ratus Ringgit.

(2) Pembayaran wang itu mestilah dibuat dengan wang tunai, atau dengan kiriman wang, yang dibuat untuk dibayar kepada Yang Dipertua, Majlis Daerah Kota Tinggi dan dipalang dengan perkataan "Akuan Penerima Sahaja".

(3) Pembayaran boleh diserahkan sendiri kepada orang yang membuat tawaran mengkompaun, tetapi jika diantar dengan pos, hendaklah dialamatkan kepada Yang Dipertua, Majlis Daerah Kota Tinggi.

(4) Tiap-tiap bayaran yang diterima mestilah dikira sebagai wang kepunyaan Majlis Daerah Kota Tinggi dan suatu resit rasmi mestilah dikeluarkan baginya kepada orang yang telah diberi tawaran kompaun itu.

(5) Borang dalam Jadual Undang-undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Daerah Kota Tinggi) Kerajaan Tempatan 1987 [J.P.U. 72], hendaklah digunakan bagi mengkompaun tetapi boleh diubahsuai sebagaimana yang perlu.

Penyitaan

7. (1) Apa-apa barang yang berkaitan dengan mana-mana kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini boleh disita oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua dan boleh ditahan pada mana-mana tempat atas risiko pemunyanya.

(2) Apa-apa barang tak tahan lama yang disita di bawah perenggan 7(1) Undang-undang Kecil ini boleh dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Yang Dipertua pada bila-bila masa.

Kos dan pampasan

8. (1) Mana-mana orang didapati bersalah melakukan kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini hendaklah membayar kepada Yang Dipertua apa-

apa kos yang ditanggung oleh Yang Dipertua bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil 5 dan 7 termasuklah kos penyimpanan dan hendaklah membayar pampasan kepada Yang Dipertua bagi apa-apa kerrosakan yang dilakukan terhadap harta Majlis semasa perlakuan kesalahan itu.

(2) Jika dilupuskan dengan cara jualan, pendapatan jualan, ditolak perbelanjaan, hendaklah, jika dituntut, dibayar kepada pemilik barang tetapi jika pendapatan itu tidak dituntut dalam masa (30) hari dari jualan, ia akan menjadi harta Majlis.

Bertarikh 28 April 2010
[MDKT/PUD/05/02/02]

AZMAN BIN HAJI MOHAMED SHAH
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kota Tinggi

Disahkan pada 10 Januari 2012
[K.T. 24/69 Jld. 11(25)]

HAJI MOHD. HALIM BIN HASBULLAH
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

VANDALISM (KOTA TINGGI DISTRICT COUNCIL) BY-LAWS 2012

In exercise of the powers conferred by subsection 73(1), sections 102 and 102A of the Local Government Act 1976 [Act 171], the State Authority makes, the following by-laws:

Citation, application and commencement

1. (1) These By-Laws may be cited as the Vandalism (Kota Tinggi District Council) By-Laws 2012 and shall apply only to the area of Kota Tinggi District Council.

(2) These By-Laws shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

Interpretation

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“animal” includes bird, insect and aquatic life;

“Council” means the Kota Tinggi District Council;

"President" means the President of the Kota Tinggi District Council and includes the Deputy President;

"Private place" means any place other than a public place;

"Council's property" means any moveable or immovable property owned, constructed, managed, leased or maintained by the Council situated or being in, under or over any public or private place within the Council area and any property of any party or person having a contract with the Council being used for the purpose of fulfilling or executing the said contract and includes any works undertaken by the Council and any animal, tree, plants, grass, river, lake and stream under the care or control of the Council;

"public's property" means any public's property that had been provide for the usage and convenience public in the Council area;

"public place" has the same meaning as in the Local Government Act 1976;

"vandalism" means an act destroy or vandalized public property, including offences which are listed in By-Law 3, this By-Laws;

"works" means any works undertaken by the Council under any written law being in, under or over any public or private place within the Council area.

Offences

3. No person shall, unless permission or authority for it is given in writing by the President—

- (a) write, draw, paint, spray, mark, scribble, scratch or inscribe any word, slogan, caricature, symbol, or anything on any Council's property;
- (b) affix, post-up, exhibit or display any poster, placard, advertisement, bill, notice, paper or other document on any Council's property;
- (c) hang, suspend, hoist, affix, exhibit or display any flag, bunting, standard, banner or the like with any word, slogan, caricature, drawing, mark, symbol or other thing on any Council's property;
- (d) nail, tie, bind or chain any thing on any Council's property;
- (e) steal, remove, interfere, tamper with, displace, deface, destroy or damage any Council's property;
- (f) make any alteration to any Council's property;
- (g) remove, displace, tamper with, deface, damage or destroy anything which is displayed, hung, erected, affixed, hoisted or fastened by the Council;
- (h) spit, urinate or defecate in or on any Council's property unless in a place provided for that purpose;
- (i) contaminate or pollute the water in any fountain, swimming pool, river, lake or stream which is under the care and control of the Council;

- (j) cut, dig, remove, pluck, uproot, damage or destroy any tree, plant, flower, leaf or branch of any tree or plant, or grass which is under the care and control of the Council;
- (k) excavate, to bank up, stacking or remove any earth from any Council's property;
- (l) trap, catch, kill, feed or disturb any animal which is under the care and control of the Council;
- (m) ride, drive, push or pull any vehicle whether mechanically propelled or otherwise or slide with a skate on any Council's property which is not permitted for that purpose; or
- (n) do any act which may cause damage to the Council's property.

Penalty

4. Any person who contravenes any of the provisions of these By-Laws shall be guilty of an offence and shall be liable on conviction to a fine not exceeding Two Thousand Ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both.

Power of removal etc.

5. (1) The President or any officer of the Council authorized in writing by the President may—

- (a) remove any thing found hung, hoisted, posted-up, tied, bound, chained, nailed, affixed, suspended, displayed or exhibited on Council's property in contravention with any provisions of these By-Laws; or
- (b) obliterate any writing, drawing, painting, mark, scribble, scratch or inscription made by any person on any Council's property in contravention of these By-Laws.

(2) Any act of the President or any officer of the Council authorized in writing by the President under paragraph (1) shall not be construed as to preclude any person from liability to prosecution for any offence against any of the provisions of these By-Laws.

Power to Compound

6. (1) The President or any officer authorised in writing by the President can reasonably compound any offence under this By-Law with amount of money no more than Five Hundred Ringgit.

(2) Payment of the money must be made with cash, or with remittance, made to be paid to the President, Kota Tinggi District Council and crossed with the word "Receiver Declaration Only".

(3) Payment can be submitted by own person against to whom bid compounds, but if sent with post, must be addressed to the President, Kota Tinggi District Council.

(4) Each payment received must be counted as monies belonging to Kota Tinggi District Council and an official receipts must be given for her person against whom had been given the compound offer.

(5) The form in By-Law (Compound Offences) (Kota Tinggi District Council Local Government 1987 [J.P.U. 72] need to be used give compound but may be modified like that need.

Seizure

7. (1) Any goods in connection with any offence under By-Law could be seized by the President or any officer authorised in writing by the President and detained there on risk of its owner.

(2) Any non-durable goods confiscated under paragraph 7(1) this By-Law can be eliminated by any way specified by the President.

Costs and Compensation

8. (1) Any person who was found guilty of any offence under this By-Law must pay to the Council cost borne by Council to implement By-Law provisions 5 and 7 include carrying cost and must recoup to Council for any damage committed against estate current Council offence so perform.

(2) If write off with way of sale, sales revenue, rejected expenditure, please, if claimed, paid to the owner things but if income so not claimed within (30) day from the sale, it will be Council's estate.

Dated 28 April 2010
[MDKT/PUD/05/02/02]

AZMAN, BIN HAJI MOHAMED SHAH
President
Kota Tinggi District Council

Confirmed on the 10 January 2012
[K.T. 24/69 Jld. 11(25)]

Haji Mohd. Halim bin Hasbullah
Clerk of the State Executive Council
Johore

Hakcipta Penceletik ①.

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang bolch
diperolehi semula atau disarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebalikeya
tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Penceletak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD.
CAWANGAN JOHOR BAHRU, 2012
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA
www.printnasional.com.my, email: pnmbj@printnasional.com.my